

# Pendudukan Jepun dan Peranan Agamawan Dalam Membangkitkan Kesedaran Bangsa di Tanah Melayu

*The Japanese Occupation and The Role of Religious Leaders in Raising National Awareness in Malaya*

**Mohamed Ali Haniffa**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia,  
Sintok, 06010 Bukit Kayu Hitam, Kedah, Malaysia  
Email: m.ali@uum.edu.my

**Published:** 23 June 2023

**To cite this article (APA):** Haniffa, M. A. (2023). The Japanese Occupation and The Role of Religious Leaders in Raising National Awareness in Malaya: Pendudukan Jepun dan Peranan Agamawan Dalam Membangkitkan Kesedaran Bangsa di Tanah Melayu. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1), 1–12. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.1.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.1.2023>

## Abstrak

Penelitian makalah ini terhadap pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan peranan agamawan sebagai pencetus kebangkitan ummah. Pemerintahan tentera Jepun mencetuskan ketegangan hubungan di antara komuniti Cina dan Melayu berikutan prasangka. Polarisasi perkauman yang berakar umbi diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan berikutan pengunduran tentera Jepun dan kemunculan komunis. Kezaliman komunis ketika melegitimisasikan kuasa menyebabkan golongan agamawan menjadi pemersatu masyarakat Melayu sehingga membawa kepada pembentukan Kumpulan Parang Panjang. Perbincangan akan menjurus asal mula pola masyarakat majmuk yang dicituskan oleh British sehingga membawa kepada pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Turut diteliti ialah peranan agamawan yang menyampaikan kesedaran mengenai kepentingan bersatupadu dan membanteras kezaliman komunis serta mempertahankan survival orang Melayu. Ilmu persilatan dan kebatinan Melayu digunakan sebagai medium mempertahankan kesucian agama Islam. Golongan agamawan mencetuskan inspirasi kepada orang Melayu dalam usaha membangkitkan semangat jihad *fisabilillah* menentang penjajahan. Perbincangan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah, Rekod Pejabat Kolonial dan wawancara bersama informan. Hasil kajian membuktikan bahawa golongan agamawan berperanan penting dalam menyatukan orang Muslim mempertahankan maruah bangsa dan pencetus nasionalisme daripada terus dijajah. Agamawan juga berkorban tenaga dalam usaha menyampai dan menyebarkan ilmu ketika Tanah Melayu berada di ambang Perang Dunia Kedua.

**Kata kunci:** Agamawan, kebangkitan ummah, Kumpulan Parang Panjang, Jepun, komunis

## Abstract

*This paper examines the role of religious leaders as a trigger to the revival of the nation during and after the Japanese occupation. Japanese military rules triggered prejudice and strained relations between the Chinese and Malays communities. The rooted racist polarization manifested into conflicts following the withdrawal of the Japanese army and the emergence of communism. The communist tyranny in legitimizing its power had caused religious leaders to unite the community, leading to the formation of the Parang Panjang Group. The discussion will focus on the origin of a pluralistic society triggered by the British that led to the Japanese occupation of Malaya. Also examined is the role of religious leaders who convey awareness about the importance of unity and combating communist as well as defending the survival of the Malays. Malay martial arts and spirituality are used as a medium to defend the purity of Islam. Religious leaders inspired the Malays in evoking the spirit of jihad *fisabilillah* against the occupation. Discussion of this article uses a historical approach, Colonial Office Records and interviews with informants. This study proves that the religious leaders had played an important role in*

*uniting the Muslims to defend nation, dignity and promoting nationalism. Religious leaders also made a lot of sacrifices in the effort to deliver and disseminate knowledge when Malaya was on the verge of World War II.*

**Keywords:** Religious leaders, the rise of the ummah, Parang Panjang Group, Japanese, communists

## PENGENALAN

Imperialisme British di Tanah Melayu yang sinonim dengan *divide and rule* berikutan pendekatan campur tangan British yang bermula dengan Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Perjanjian ini turut membuktikan bahawa politi orang Melayu yang sudah terbina sejak Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1400 akhirnya runtuh berikutan nepotisme dan perpecahan. Matlamat ekonomi British di Tanah Melayu direalisasikan dengan kemasukan imigran yang turut membawa bersama-sama budaya dan cara kehidupan berbeza dengan masyarakat Melayu tempatan. Bilangan imigran dengan kekuatan ekonomi yang melebihi penduduk asal di Tanah Melayu menyebabkan berlakunya keretakan hubungan antara kaum. Polisi peminggiran etnik British berdasarkan kepada zon kemakmuran ekonomi turut menyebabkan keretakan hubungan etnik.

Matlamat imperialisme dan Perang Dunia Kedua menyebabkan tentera Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941. Pengunduran tentera Jepun menyebabkan kemunculan komunis dan menjadikan hubungan Melayu-Cina bertambah meruncing. Penjajahan mencetuskan jurang kehidupan masyarakat dan berlaku pengeksploitasian politik, perekonomian dan amalan kehidupan. Gangguan komunis ke atas agama Islam turut mencetuskan ketegangan dan dizahirkan dalam bentuk pergaduhan di antara etnik Melayu-Cina. Tekanan meneruskan kelangsungan hidup menyebabkan setiap etnik memikirkan kelangsungan hidup masing-masing. Berikutan meletus dan merebaknya Perang Dunia Kedua, orang Melayu bergantung harap terhadap golongan agamawan bagi mempertahankan kelangsungan hidup mereka apabila dizalimi oleh tentera Jepun serta juga komunis. Justeru itu, agama Islam menjadi tunjang dan pemersatu bagi orang Melayu untuk menjamin kesinambungan survival bangsa ketika nyawa serta maruah bangsa diinjak oleh komunis.

## METODOLOGI

Penulisan ini menggunakan pendekatan bersifat kualitatif dan naratif iaitu kaedah penyelidikan sejarah serta kaedah kepustakaan untuk melihat peranan agamawan berikutan tercetus pergaduhan di antara orang Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun. Penelitian terhadap sumber primer dan sekunder menjadi asas pengumpulan data kajian ini. Penggunaan sumber primer seperti surat-menyurat, dokumen rasmi kerajaan, rekod dan akhbar dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan dan *National Archives of United Kingdom* ditafsir serta dianalisis dengan teliti bagi menentukan keabsahan maklumat yang diperolehi. Kaedah wawancara secara bersemuka dengan sumber proto dan saksi mata digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menyokong fakta yang tiada dalam dokumen rasmi serta sudut pandang yang lebih adil. Selain itu, sumber sekunder seperti buku dan artikel jurnal yang berkaitan dengan pendudukan Jepun, hubungan kaum serta agamawan turut digunakan. Keseluruhan sumber yang dirujuk disemak silang dan sangat penting untuk menyokong serta memantapkan lagi perbincangan dan analisis dalam kajian ini.

### Etnik di Tanah Melayu

Masyarakat Melayu Tradisional merupakan akar sistem sosiobudaya kini. Tamadun Melayu sudah mempunyai peraturan sosial yang jelas dan mencerminkan identiti bangsa dari aspek politik, ekonomi serta sosial sebelum berlakunya proses imperialisme dan kolonialisme. Orang Melayu sudah mempunyai kegemilangan sejarah sejak Kerajaan Melayu Lama. Namun atas mitos mahu membina peradaban bangsa lain, British datang ke Tanah Melayu. Penjajah silih berganti dan berlaku pengaliran keluar darah serta keringat bangsa Melayu yang membangunkan tanah leluhur ini. Menelusuri sejarah keagungan bagaimana lahirnya sebuah negara moden hari ini, akar umbinya bermula dari Kesultanan

Melayu Melaka. Kedudukan strategik dan kekayaan Melaka menjadi sasaran kuasa-kuasa besar dunia ketika itu khususnya Portugis. Kekayaan yang dimiliki oleh bumi bertuah Melaka seterusnya mengheret kepada penjajahan pada tahun 1511. Hubungan di antara golongan pemerintah dan yang diperintah serta kesetiaan orang Melayu kepada sultan merupakan suatu naluri semulajadi yang tidak boleh diganggu-gugat oleh elemen lain (Mohamed Ali Haniffa, 2019:12).

Tunjang kekuatan dan keharmonian kaum dalam Kesultanan Melayu Melaka dijemakan dalam konteks kepelbagaian etnik, hidup bermasyarakat dan taat setia kepada pemerintah. Tahap perpaduan tersebut digambarkan oleh Abdullah Munsyi seperti dalam catatannya: "... Keadaan amat sentosa. Para pedagang dari pelbagai negeri terlalu ramai keluar masuk berniaga di Melaka. Orang miskin pun dapat mencari makan, apalagi orang kaya" (Hamzah Hamdani, 2007: 53). Walaupun mempunyai ras dan agama yang berbeza, mereka tidak mempunyai prasangka terhadap kaum lain. Jelas di sini bahawa kesepaduan pemikiran dan tolenrasi menjadi tunjang utama perpaduan dan keharmonian kaum ketika itu (Mohamed Ali Haniffa, 2018: 17-18). Namun keagungan Kesultanan Melayu Melaka ditumbangkan oleh Portugis pada 24 Ogos 1511 berikutan timbulnya perpecahan, nepotisme dan kronisme dalam negara.

Asal mula masyarakat majmuk di Tanah Melayu dicetuskan oleh pihak British berikutan pengorientasian sumber ekonomi secara tidak terkawal. Matlamat ekonomi menyebabkan populasi orang Cina dan India di Tanah Melayu meningkat. Menjelang awal abad ke-19, orang-orang Cina mula berpindah ke Negeri-negeri Melayu Pantai Barat berikutan industri bijih timah di Melaka (Linggi), Perak (Larut) dan Selangor (Kelang). Lombong-lombong dimiliki oleh pembesar-pembesar Melayu, namun sumber kewangannya datang dari pemodal Cina dan Eropah, khususnya dari Singapura serta Pulau Pinang (Leon Comber, 1985: 3). Kesengsaraan kehidupan di negara China seperti banjir dan keadaan huru-hara di Selatan China seperti Kebangkitan Taiping (1850-1864) menjadi faktor penolak orang Cina merantau ke Tanah Melayu.

Pada peringkat awal, ramai dalam kalangan mereka yang kembali semula ke negara China selepas mengumpul sedikit kekayaan. Namun, jaminan keselamatan nyawa dan pelaburan oleh British menyebabkan bilangan orang Cina meningkat (Joyce Ee, 1961: 34). Pada tahun 1868, penduduk Johor dianggarkan seramai 78,000 orang dan separuhnya terdiri daripada orang Cina. Manakala di Larut, Perak terdapat seramai 40,000 orang Cina pada tahun 1862 (Wilfred Blythe, 1969: 42). Pada tahun 1907 dianggarkan seramai 229,778 orang bekerja di lombong-lombong bijih timah di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Menjelang awal abad ke-20, orang Cina merupakan seramai 65 peratus penduduk negeri Selangor iaitu dua kali ganda penduduk Melayu dan 46 peratus daripada penduduk Perak (Leon Comber, 1985: 4). Ini bermakna bilangan mereka menyamai dengan orang-orang Melayu. Jumlah penduduk di Tanah Melayu dapat dilihat melalui jadual di bawah:

**Jadual 1:** Jumlah penduduk di Negeri-negeri Malaya (1921-1957)

Kaum	Bilangan 000				Peratusan			
	1921	1931	1947	1957	1921	1931	1947	1957
Bumiputera	1569	1864	2428	3127	54.0	49.2	49.5	49.8
Cina	856	1285	1884	2333	29.4	33.9	38.4	37.1
India	439	571	531	707	15.1	15.1	10.8	11.3
Lain-lain	43	68	65	112	1.5	1.8	1.3	1.8
Jumlah	2907	3788	4908	6279	100	100	100	100

**Sumber:** R.O Tilman, 1964. *Bureaucratic Transition in Malaya*. Duke: Duke University Press, hlm. 16.

Polisi ekonomi British dan peminggiran etnik mengikut zon menyebabkan setiap kaum mempunyai fokus yang berbeza. Orang Melayu signifikan sebagai penghasil bahan-bahan makanan, orang Cina dalam sektor perlombongan manakala tumpuan orang India dalam sektor perladangan. Peningkatan populasi orang Cina di Tanah Melayu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan orang

Melayu keseluruhannya. Hal yang demikian berlaku kerana mereka tidak mampu bersaing dengan orang Cina berikutan kekangan kewangan dan demografi yang terpisah jauh. Sultan Abdul Aziz al-Mutasim Billah Shah ibni al-Marhum Raja Muda Musa dari negeri Perak mengkritik polisi ekonomi British dalam Sidang Durbar yang diadakan pada 25 November 1939 di Sri Menanti, Negeri Sembilan (CO 717/143/18 [2, 8]).

Manakala dominasi ekonomi orang Cina dan India dalam sektor perniagaan dipersoalkan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan iaitu Tuanku Abdul Rahman. *Malayan Information Agency* menyumbangkan £375,000 kepada mangsa perang di London. Atas nama *Malayan Bomber Fund*, sejumlah £575,000 dihantar melalui *Malayan Information Agency* oleh penderma. Menjelang tahun 1941, komuniti Cina di Tanah Melayu menyumbang lebih dari \$110,000,000 (£12,833,000) ke negara China (Victor Purcell, 1948: 245). Hal yang demikian membuktikan bahawa Tanah Melayu merupakan "lubuk emas" bagi komuniti Cina.

Persatuan Cina di Tanah Melayu seperti *Overseas Chinese Relief General Association* mempunyai hubungan rapat dengan Tanah Besar China di antara tahun 1937 hingga 1941. Hubungan baik ini dibuktikan apabila Tan Kah Kee menyumbangkan wang sebanyak 64 peratus (Mohan K. Tracy, 1970: 34). Lokasi petempatan orang Melayu sering menjadi lokasi strategik orang Cina membuka perniagaan. Senario demikian boleh dilihat apabila peniaga berketurunan Cina di kawasan perkampungan Melayu di Perak bertindak memboikot orang Melayu (CO 537/1572: 45).

Pendekatan pentadbiran British di Tanah Melayu yang memaksimumkan eksploitasi sumber hasil bumi dengan tidak menghiraukan keperluan mewujudkan perpaduan kaum menimbulkan implikasi jangka panjang. Dasar British berdasarkan peminggiran menjadikan orang Melayu hanya sebagai pengeluar bahan makanan. Kehidupan orang Melayu masih mundur dan ketinggalan sebaliknya berlaku peningkatan status kehidupan apabila peluang ekonomi diberikan oleh British kepada etnik Cina. Menjelang Perang Dunia Kedua, penguasaan ekonomi orang Cina menjadi begitu kukuh sekali. Kekuatan ekonomi tersebut menyebabkan komuniti Cina mula membentuk kelompok tersendiri dan diwarnai oleh fahaman kesukuan dan tanah leluhur mereka. Hal yang demikian menebalkan sikap prejudis dan prasangka antara kaum.

### **Pendudukan Jepun dan Ketegangan Hubungan Kaum**

*Nanshin* atau "Gerakan ke Selatan" merupakan strategi Jepun untuk menawan Tanah Melayu sejak tahun 1936 lagi (Mohd Isa Othman, 2002: 277). Kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an menyebabkan negara Jepun menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah secara konsisten. Potensi sebagai pengeluar mineral seperti bijih timah menarik minat tentera Jepun menduduki Tanah Melayu. Pentadbiran tentera Jepun memberikan tumpuan awal membaiki kemusnahan berikutan perang. Apabila keadaan terkawal, tumpuan diberikan kepada perancangan ekonomi secara berpusat. "Five-Year Production Plan" diperkenalkan pada bulan Mei 1943 dan diikuti pula dengan "Five-Year Industrial Plan" pada September 1943 (Paul H. Kratoska, 1997: 154-155). Jumlah pengeluaran bijih timah pada tahun 1940 ialah sebanyak 83,000 tan dan meningkat menjadi 79,400 tan di awal pendudukan. Namun angka ini merosot menjadi 15,700 tan pada tahun 1942 dan melonjak naik ke 26,000 tan menjelang tahun 1943 (Paul H. Kratoska, 1997: 241). Bagi menjana hasil pengeluaran bijih timah di Sri Medan, seramai 100 orang buruh Jepun dibawa masuk. Manakala lombong bijih besi Endau, Johor diusahakan oleh seramai 30 orang bekas nelayan Jepun dari Singapura. Berikutan desakan ekonomi dan migrasi menyebabkan pihak tentera Jepun mengadakan perjumpaan pada 11 Februari 1938 (FO 371/35924, 10 Mei 1938, [3]).

Penglibatan tentera Jepun dalam misi ketenteraan di China dan Indo-China memberikan kelebihan kepada mereka dalam misi menduduki Tanah Melayu. Penawanan Tanah Melayu dan Singapura merupakan kekalahan ketenteraan yang paling dahsyat dalam sejarah pertahanan Britain (Paul H. Kratoska, 1997: 33-34). Slogan "*Asia untuk orang Asia*" dicanangkan oleh kepimpinan tentera Jepun dan mereka bertindak sebagai suri teladan kepada penduduk di Tanah Melayu (Syonan Sinbun, 20.6.1943). Berikutan itu, Jeneral Tojo yang mewakili pentadbiran Nippon mengadakan satu

perjumpaan tertutup dengan Sultan dan Raja-raja Melayu di Singapura untuk mengucapkan terima kasih serta pujian kerana kerjasama yang diberikan ketika sebelum dan pasca pendudukan Jepun (CO 273/675/12).

Keruncingan hubungan kaum dicetuskan oleh tentera Jepun berikutan kegagalan mereka memahami kemajmukan etnik Tanah Melayu. Hal yang demikian diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan kaum berikutan pengunduran mereka dari Tanah Melayu. Perasaan benci dan dendam terhadap orang Cina bertambah ekoran Jepun cuba menghubungkan penentangan orang Cina di negara China. Namun galakan diberikan oleh Kerajaan China kepada orang Cina di Tanah Melayu dan Burma bagi membentuk barisan pemuda menentang Jepun (FO 371/31705, 1942 [1]). Tindakan ketenteraan di negara China ketika meletus Perang Dunia Kedua menimbulkan kebencian orang Cina terhadap tentera Jepun. Orang Cina dilabelkan sebagai komunis dan hal yang demikian menimbulkan rasa tidak puas hati (CO 537/3757 [27-28]).

Peniponisasi di Tanah Melayu adalah untuk memastikan *Nippon* mendapat sokongan daripada keseluruhan penduduk. Justeru itu, mereka membentuk *Tekkikan*, *Kempeitai* dan *Toko* untuk menjaga serta mengekalkan keamanan. *Kempeitai* merupakan pasukan tentera perisik pelbagai kaum namun didominasi oleh orang Melayu dan bertindak zalim (Paul H. Kratoska, 1997: 46). Polisi Jepun di Tanah Melayu terus melaksanakan pilih kasih dan sentimen mempertajamkan hubungan etnik Melayu serta Cina (Wawancara dengan Karim bin Petah). Hubungan prejudis membawa kepada meletus konflik Melayu dan Cina pada awal tahun 1945 dan selepas pengunduran mereka (CO 537/1580, 8 March 1946: 16). Etnik Melayu dan Cina menjadi mangsa kezaliman tentera Jepun. Namun, orang Cina yang diresapi oleh ideologi Parti Komunis Malaya (PKM) bertindak menyerang orang Melayu ekoran salah faham. Kezaliman dan gangguan terhadap keselamatan menyebabkan orang Melayu terpaksa menjadi perisik. Prasangka buruk dalam kalangan komunis terhadap orang Melayu diterjemahkan dalam bentuk penyerangan dan konflik berdarah (Mohd Isa Othman, 2000: 290).

Permusuhan dan prejudis dalam kalangan orang Melayu dan Cina bertambah apabila berlakunya *Sook Ching*. *Sook Ching* melibatkan pembunuhan hampir 70,000 orang Cina yang dilaksanakan oleh polis tentera Jepun sebaik-baik sahaja mereka menguasai Tanah Melayu dan Singapura pada awal tahun 1942. Perasaan benci tentera Jepun diterjemahkan apabila seramai 60,000 orang wanita Cina dicabul di Singapura (FO 371/41625 [2]). Operasi tersebut dirancang oleh Leftenan Kolonel Tsuji dan dilaksanakan oleh pasukan *Kempeitai* yang dipimpin oleh Kawamura Oishi (CO 537/3757: 27-28). Walau bagaimanapun, menjelang bulan Mac 1943, tentera Jepun menghentikan tindakan kejam terhadap orang Cina kerana mereka diperlukan untuk memulihkan kembali kegiatan ekonomi yang musnah berikutan perang. Namun, *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang dianggotai oleh orang Cina terus melakukan penentangan (WO 203/5642: 1).

Pada 15 Ogos 1945, Bintang Tiga yang berpusat dipinggir hutan melakukan kezaliman dengan tindakan membakar balai polis (WO 172/1784, No. 51: 180). Komunis bertindak zalim terhadap orang Melayu yang dikatakan bersuhabat dengan tentera Jepun. Hal yang demikian menyebabkan ramai ulama dan pekerja dipejabat pentadbiran Jepun dibunuh di *Kangaroo Court* (J.J. Raj, 1995: 58). Komunis juga bertindak zalim dengan membakar rumah penduduk kampung pada waktu malam (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011: 6). Dalam peristiwa yang berlaku pada bulan Mei 1945, seramai 20 orang gerila Bintang Tiga yang lengkap bersenjata telah berjumpa dengan Ketua Kampung Sungai Dulang Darat, Rengit, Batu Pahat, Johor, iaitu Moain Saridin bagi memujuknya serta orang kampung menyertai gerakan MPAJA (*Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009). Disebabkan keengganannya, Moain Saridin @ Shahidin, Hassan Akasah dan Wak Sulaiman telah dibunuh (*Mingguan Malaysia*, 9 Oktober 2011). Insiden dendam berterusan di Ayer Hitam, Johor pada 20 Jun 1945 diikuti dengan yang berlaku pada hari berikutnya di Parit Kuman, Mukim Sungai Balang (SUKJ. 6203/1945 (13 A), 12 November 1945). Konflik perkauman tersebut turut meletus ke mukim lain dan mengakibatkan pembunuhan Ismail Abdullah yang merupakan Pegawai Daerah Batu Pahat dan Haji Hasbullah iaitu Kadi pada 10 Jun 1945. Dr. Woodhull turut menerima nasib sama ketika sesi perundingan bersama komunis di Benut (Ho Hui Ling, 2006: 3).

Dato' Sheikh Abdullah bin Yahya, bekas Pegawai Daerah, diculik oleh Bintang Tiga dan menyebabkan kematiannya pada 5 September 1945 (*RCJ*. 241/46, 8 Julai 1947: 167). Parit Samsu dan Bukit Gambir, Johor turut menjadi lokasi sasaran kezaliman komunis pada 9 hingga 10 Februari 1946 (*SUKJ*. 6203/1945, 12 Februari 1946: 47). Komunis juga mengambil kesempatan bertindak zalim di Lambor Kanan, Perak. Pada 30 Disember 1945 sekumpulan orang Cina yang dianggarkan seramai 100 orang menyerang kawasan perkampungan orang Melayu (*CO 537/1580*, Extract From Official Report-Malaya Racial Disturbances). Angka korban ialah seramai 41 orang Cina dan 33 orang Melayu. Tiga puluh dua orang Cina hilang dan 20 orang Melayu cedera (*WO 172/9773*, SECRET: 100). Kebencian dan prasangka juga membawa kepada serangan sekumpulan orang Cina di sebuah perkampungan Melayu di Simpang Tiga, Parit, Perak pada 31 Disember 1945. Kejadian ini mengakibatkan seramai 16 orang Melayu termasuk tujuh orang kanak-kanak dibakar sehingga mati (*WO 172/9773*, SECRET: 104). Pada 15 Ogos 1945 hingga 15 September 1945, Sungai Manik, Perak juga bermandikan darah ekoran Kumpulan Parang Panjang bertindak balas membunuh komunis (*Seruan Ra'ayat*, 11 November 1945: 1).

Kampung Bekor yang terletak ditebing Sungai Perak, turut menjadi lokasi penghapusan etnik Melayu oleh komunis. Komuniti Melayu-Cina hidup secara aman damai sebelum berlakunya gangguan komunis (Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Abdul Rahman). Penduduk Kampung Bekor tidak mahu bekerjasama dengan tentera Jepun dan komunis menyebabkan mereka bertindak zalim (*Majlis*, 17 Februari 1947: 2). Beberapa orang agamawan tempatan yang diketuai oleh Haji Salleh bin Abdul Manan, bertindak membentuk Kumpulan Parang Panjang (Wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohd). Ketegangan hubungan kaum di antara penduduk kampung dengan orang Cina sering tercetus pada peringkat awal namun berjaya diselesaikan secara muafakat oleh pemimpin kedua-dua kaum (*Seruan Ra'ayat*, 7 Januari 1946: 1).

Komunis melakukan serangan pertama di Kampung Bekor pada 5 Mac 1946. Pada hari Rabu, 6 Mac 1946, jam 5.00 pagi berlaku serangan kali kedua (*WO 172/9773*, 1946: 281). Seramai 500 orang pegganas komunis yang dikatakan datang dari pelbagai lokasi termasuk daerah Klian di Taiping menyerang pada waktu subuh (*Majlis*, 24 Februari 1947). Namun komunis menghilangkan diri selepas melakukan serangan hendap tersebut (*CO 537/1580*, 8 Mac 1946: 17-18). Berikutan serangan tersebut, sebanyak 40 buah rumah dibakar dan seramai 78 ke 80 orang Melayu terbunuh termasuk kanak-kanak kecil. Masjid Bekor turut menjadi sasaran dan mengakibatkan 70 orang penduduk Melayu Bekor terbunuh (*CO 537/1580*: 8). Sekolah Agama Bekor turut dibakar hangus dalam peristiwa tersebut. Manakala mayat orang Melayu bergelimpangan di kawasan rumah dan perkampungan (*Majlis*, 5 Mac 1947). Dianggarkan seramai 300 ke 400 orang Cina diserang oleh orang Melayu di Padang Lebar sepertimana yang dilaporkan oleh perisikan British. Empat puluh orang yang terdiri dalam kalangan kanak-kanak dan wanita terkorban (*CO 537/1580*: 8-11). Insiden 11 Februari 1946 di Batu Malim, Raub, mengakibatkan 10 orang kanak-kanak Cina dan dua orang Melayu termasuk 30 orang Cina dewasa terkorban. Enam belas orang Cina dan sepuluh orang Melayu turut cedera (*WO 172/9773*, SECRET: 125). Kejadian permusuhan di antara orang Melayu dan Cina di Pahang terus menular ke lokasi kampung terpencil yang berhampiran. Keadaan cemas tersebut menyebabkan orang Melayu dan Cina berhati-hati khususnya ketika menjalankan aktiviti ekonomi. Hal yang demikian menyebabkan pemimpin orang Melayu dan Cina mula memberikan perhatian serius dalam usaha memulihkan keharmonian dengan menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Kaum. Keanggotaan jawatankuasa tersebut terdiri dalam kalangan wakil orang Melayu dan Cina serta bermatlamat memulihkan keamanan.

### **Agamawan dan Survival Melayu Islam**

Agamawan berperanan signifikan dalam menyuntik dan membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu khususnya pasca Perang Dunia Kedua. Abad ke-18 dan 19 signifikan dengan kemunculan golongan ulama di Negeri-Negeri Melayu. Antaranya ialah ulama Kedah seperti Haji Ishak bin Muhammad Hashim (1771-1871). Manakala agamawan seperti Syeikh Haji Fadhil Al-Banteni (Kiayi Fadhil Lenga) terkenal dengan amalan ilmu tarekat di Muar, Johor antara tahun 1910-1950 (Mohd Akbal Abdullah, 2006: 31). Manifestasi jihad *fisabilillah*, ilmu tarekat dan ukhuwah Islamiyah digunakan sebagai tonggak penting menentang penjajahan oleh agamawan tempatan (Farid Mat Zain & Amnah Saayah

Ismail, 2007: 195). Dari segi sejarahnya, pengamalan ilmu tarekat bermula sejak 500 tahun dahulu, iaitu sejak abad ke-13 sehingga ke-18 (A.H. Johns, Vol. 2, No. 2, July 1961: 13). Bagi tempoh beberapa dekad, sebahagian besar Pulau Jawa mengalami era kebangkitan semula yang menunjukkan peningkatan dalam aktiviti keagamaan seperti pemeliharaan solat, perkembangan ilmu tarekat dan khutbah. Pada penghujung tahun 1850-an, gerakan agama semakin meningkat dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini dapat diukur berdasarkan kepada peningkatan institusi keagamaan seperti pondok dan masjid. Hal yang demikian juga boleh dilihat dengan mengambil kira kebangkitan agama di Banten pada tahun 1880-an di mana gerakan tarekat menjadi paling dominan dan berpengaruh (Sartono Kartodirdjo, 1966: 141).

Kumpulan tarekat ini pada asalnya merupakan pengamal agama dan akhirnya berperanan sebagai kumpulan politik agama yang berpengaruh (Arthur John Arberry, 1966: 5). Kedatangan perantau dari Nusantara ke Tanah Melayu turut membawa bersama ilmu tarekat. Penyebaran dan pengamalan ilmu tarekat menjadi dominan apabila berlaku asimilasi perantau bersama penduduk tempatan. Tarekat Qadiriyyah dan Naqshbandiyyah terkenal dan menjadi amalan orang Melayu. Kampung Parit Maimun, Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat menjadi lokasi penyebaran Tarekat Qadiriyyah oleh ulama tersohor iaitu Shaykh Abdullah bin Mustafa (Syed Naguib Al-Attas, 1963: 34).

Saranan jihad dan pembaharuan juga diilhamkan oleh agamawan menjelang tahun 1930-an melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti di madrasah khususnya di kawasan Sungai Perak. Keperluan hidup bersatu ketika berlaku kezaliman tentera Jepun dan komunis menjadi agenda dakwah ulama ketika Perang Dunia Kedua. Ketika itu komunis mula mengganggu kehidupan orang Melayu termasuk mencemar budaya dan agama Islam. Gerila Bintang Tiga bertindak zalim terhadap orang Melayu dengan cara menyiksa, menyepak, dan mencencang untuk dijadikan makanan khinzir (Wawancara dengan Jamian bin Haji Marzuki). Sebahagiannya juga menerima nasib malang apabila dimasukkan dalam guni sebelum dihumban ke sungai (Ibrahim Mahmood, 1981: 32). Tindakan tidak berperikemanusiaan tersebut berlaku di Air Hitam apabila orang Melayu diculik dan dijadikan pekerja di kem komunis. Insiden pencemaran terhadap kitab al-Quran juga berlaku di Masjid Batu Pahat (*Mingguan Malaysia*, 4 September 2011).

Pergantungan terhadap golongan agamawan sebagai tunjang penyatuan menjadi semakin padu khususnya ketika menghadapi keadaan mencemaskan. Keyakinan kepada pertolongan Allah SWT dan kekuatan yang diperoleh daripada amalan agama mendorong orang Melayu mula percaya kepada ilmu kebal. Ilmu ini turut dibawa dan dipraktikkan oleh golongan agamawan yang berhijrah ketika menyampaikan dakwah. Amalan ilmu kebal dalam kalangan orang Melayu bermula sejak bulan November 1945 dan ditemukan di Negeri-Negeri Melayu seperti Negeri Sembilan dan Singapura (*CO 537/1583*, 7 Oktober 1946 :11).

Amalan keagamaan yang disebarkan oleh golongan agamawan ini merebak dengan cepat dan bermatlamat menyatukan orang Melayu yang hidup selama ini mengikut kesukuan. Persaudaraan sesama orang Islam yang dibina menguatkan keyakinan diri bagi menentang kezaliman komunis (*WO 172/9773*, 2 February 1946: 161-162). Ilmu kebal dan persilatan Melayu menjadi amalan dan ikutan di Mukim Budu, Benta, Pahang (Wawancara dengan Tuan Haji Abdullah). Di Beruas, Perak, Ustaz Abdul Aziz yang merupakan seorang guru al-Quran dikatakan mempelajari ilmu kebal daripada Syeikh Othman dari Lenggong, Perak (Ahmad Zaki bin Mohd Johari, 2011: 78). Pengamalan dan penyebaran ilmu kebatinan dan *fisabilillah* turut dilakukan oleh Kiai Haji Marzuki dari Melaka dan Ahmad Jelany dari Singapura (*WO 172/9773*, 2 February 1946: 161).

Manakala di Kelantan, pengajaran "ilmu tak lut senjata" disebarkan oleh seorang guru agama pada awal tahun 1948 bernama Syeikh Osman. Pengajaran dan pembelajaran ilmu tersebut diperluaskan kerana diramalkan akan berlaku pergaduhan di antara orang Melayu serta Cina (A.J. Stockwell, No. 8: 152). Seorang lagi tokoh agamawan Kelantan yang dikenali sebagai Tok Janggut turut dikatakan aktif mengajar ilmu kebal sehingga ke negeri Perak. Ulama tersebut ditahan oleh polis di Pasir Mas, Kelantan pada 25 Januari 1948 beserta beberapa buah kitab ilmu kebal ketika sedang menyampaikan ilmu di rumah Penghulu Yusoff (*CO 537/3752*, [SECRET]: 325).

Pembelajaran ilmu kebal tersebar luas sehingga ke negeri Kedah dan Perlis kerana terdapat keyakinan orang Melayu terhadap keberkesannya. Lebih-lebih lagi ketika orang Melayu terdesak dengan ancaman yang akan menentukan kelangsungan survival hidup mereka. Haji Wan Ahmad, Presiden Persilatan Melayu turut menyebarkan sentimen anti Cina. Amalan ilmu kebal dan kebatinan dalam kalangan orang Melayu terus berkembang luas apabila semakin ramai yang menjadi mangsa dan sasaran kezaliman. Di Lanchang, Pahang, penyebaran ilmu kebal berlaku berikutan ketegangan kaum apabila penyiksaan dan penculikan dilakukan terhadap orang Melayu oleh komunis (WO 172/9773, ALFSEA, DT00 28/900: 1).

Di Sungai Manik, Perak, terdapat beberapa orang agamawan tempatan seperti Haji Yusof, Haji Dahlan, Haji Amir Hussin, Haji Anuar, Haji Masmuda, Haji Marzuki dan Haji Mat Samad yang menjadi tumpuan bagi mempelajari ilmu kebal ketika komunis melakukan kezaliman (Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh). Tuan Guru Haji Bakri bin Haji Mohd Saman menggalas tanggungjawab sebagai Khalifah Parang Panjang dan dibantu oleh Haji Shukor sebagai Naib Khalifah. Balasan mati syahid bagi mereka yang terkorban dalam perang jihad membanteras komunis diuar-uarkan oleh Tuan Guru Haji Bakri bin Haji Mohd Saman.

Ketika Tanah Melayu berada dalam kancah peperangan, orang Melayu yang mahu menyelamatkan diri turut mendapat kekuatan kerohanian daripada amalan ilmu tarekat. Ilmu tarekat dan kebatinan menjadi sumber kekuatan fizikal serta kerohanian. Di Baling, Kedah, Tuan Guru Haji Yahya bin Muhammad Taha salah seorang ulama tempatan mengajar ilmu keagamaan. Ketika Bintang Tiga bermaharaja lela di Baling, beliau bersama-sama rakannya Pak Su Haji Ahmad dan muridnya yang lain mengembleng kekuatan bagi mengusir komunis dari kawasan Kupang. Melalui pendekatan kekuatan kerohanian dan perjuangan yang dipimpin oleh kedua-dua tokoh ini, penduduk Kupang percaya dengan laungan takbir dan zikir *La ilaha illallah* berjaya menimbulkan ketakutan kepada komunis. Ini menyebabkan mereka melarikan diri dan keadaan aman berjaya dipulihkan kembali (Muhammad Rusydi Abd. Malek, 2007: 20).

Kiyai Haji Hashim, Haji Yusof dan Haji Munahar memimpin gerakan *fisabilillah* dan ditahan oleh Pentadbiran Tentera British (PTB) pada bulan November 1945 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan apabila meletus konflik di antara Melayu-Cina. Batu Pahat, Johor menjadi lokasi paling aktif gerakan *fisabilillah* yang dipimpin oleh Syeikh Tahir Jalaluddin di samping Negeri Sembilan, Melaka, dan Singapura. Kiai Selamat, Kiai (Chegu) Salleh bin Abdul Karim dan Haji Yusof bin Hassan seorang ulama berketurunan Jawa berperanan sebagai pembantu (WO 172/9773, 2 February 1946: 161). Walau bagaimanapun, Kiai (Chegu) Salleh bin Abdul Karim menjadi tempat rujukan dan ketua Kumpulan Parang Panjang di serata lokasi Tanah Melayu berikutan ketinggian ilmunya (CO 537/1582: 230).

Seorang lagi ulama lain di Batu Pahat yang seangkatan dengan Kiai Salleh bin Abdul Karim ialah Haji Salleh yang menyampaikan ilmu kebatinan Melayu sehingga ke Singapura (WO 172/9773, 2 February 1946: 161). Manakala Tok Pawang Nong bin Santan yang merupakan Pawang Diraja Pahang menjadi penyatu masyarakat Melayu di Ulu Cheka, Jerantut (Wawancara dengan Arif bin Nong). Kelangsungan hidup orang Melayu berikutan kezaliman komunis menjadi fokus utama pengamal ilmu mistik Melayu seperti Tuan Guru Haji Abbas dan Kiai Salleh bin Abdul Karim di Sungai Choh, Hulu Selangor (Wawancara dengan Haji Abdullah bin Imam Nong).

### **Unsur “Islam” Sebagai Wahana Perjuangan**

Golongan agamawan bukan sahaja sebagai penyuntik semangat dan mengeluarkan fatwa jihad serta syahid tetapi mereka juga mahir dalam seni mempertahankan diri dan ilmu kebal. Tradisi keilmuan para agamawan yang merentas demografi menjadikan elemen mistik tersebut mendapat pengaruh setempat dan Nusantara (William R. Roff, 1967: 6). PTB mengambil tindakan berkecuali untuk mengelakkan berlakunya ketegangan hubungan di antara Melayu-Cina. Konflik Melayu-Cina di Dinding, Perak meletus apabila komunis menzalimi orang Melayu (WO 172/9773, SECRET DTOO 24/40: 72). Ilmu kebal “Susuk Jarum Emas” dipelopori di Batu Pahat Johor dan merebak sehingga ke negeri Pahang serta mencetuskan kerisauan PTB (WO 172/9773, SECRET, 11 Jun 1946: 599).

Pengunduran tentera Jepun pada tahun 1945 dan kezaliman komunis menyebabkan kemunculan amalan ilmu kebal di Negeri Sembilan sebelum merebak ke seluruh Tanah Melayu serta Singapura. Tempoh masa ini juga menyebabkan kemunculan Seni Silat Sendeng, amalan ilmu Terekat Qadiriyyah dan penggunaan pelbagai objek yang dikatakan berupaya menjadikan pengamalannya kebal seperti cincin, kain selempang merah dan susuk jarum emas. Amalan tersebut disebatikan dengan bacaan daripada Al-Quran (Wawancara dengan Haji Abdullah bin Dato' Haji Mohd Noor). PTB bimbang orang Melayu akan mengamuk berikutan amalan ilmu kebatinan dan kemunculan Kumpulan Parang Panjang khususnya ketika meletus konflik di antara Melayu-Cina di lokasi sepanjang Sungai Perak pada bulan Julai 1947 (*CO 537/1583*, (SECRET), 7<sup>th</sup> October 1946: 12). Tambahan pula ketika itu ilmu kebatinan turut disebar luaskan oleh agamawan berketurunan Jawa seperti Syeikh Idris di Kuala Kangsar menjelang bulan September 1946.

Tuan Guru Haji Mokhtar berperanan sebagai pemersatu orang Melayu di Mukim VII. Manakala Kiai Salleh bin Abdul Karim pula di Mukim IV, Simpang Kiri, Batu Pahat. Kiai Salleh bin Abdul Karim bersama dengan Penghulu Mohd Kari menjalin kolaborasi memerangi komunis hingga ke seluruh negeri Johor menjelang bulan Ogos dan September 1945 (Wawancara dengan Haji Yusof bin Salleh). Tuan Haji Mokhtar dan Haji Shahbudin merupakan perintis awal bagi penyediaan air penebat untuk kegunaan Kumpulan Parang Panjang di Mukim VII, Batu Pahat (Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Sadron).

Amalan ilmu kebatinan orang Melayu diyakini mampu mempertahankan dari ancaman komunis ketika berhadapan dengan suasana kritikal selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua (*Mingguan Malaysia*, 25 Disember 2011). Insiden melibatkan Melayu-Cina turut meletus di negeri Pahang dan menyebabkan Abu Jamal mengamal serta menyebarkan ilmu kebal di kawasan perkampungan Batu Malim, Raub (Wawancara dengan Tuan Haji Mat Kiram bin Juna). Amalan tersebut sering melibatkan penggunaan objek seperti tangkal dan susuk jarum emas. Bagi tujuan meningkatkan keberkesanan ilmu yang dituntut, amalan minum air jampi atau air penebat juga turut dilakukan. Ini merupakan sebagai persediaan terakhir dan bagi memantapkan lagi semangat pejuang sabil.

Menjelang bulan Mac 1947, Haji Khalid bin Ahmad seorang ulama tempatan menyeru orang Melayu bersatu dan berjihad menghadapi kezaliman komunis (A.J. Stockwell, No. 8: 152). Keadaan yang meruncing menyebabkan orang Melayu bersatu bagi mendapatkan inspirasi dan semangat jihad daripada golongan agamawan tempatan. Di Perak Utara, Syed Abdullah berperanan menyuntik semangat kepada orang Melayu dengan menegaskan bahawa mereka bukan sahaja perlu melawan komunis, tetapi juga bangsa lain yang bukan Islam. Kelantangan perjuangannya dapat dibuktikan apabila dikaitkan hubungan rapatnya dengan Angkatan Pemuda Insaf (API) (*CO 537/2140*, No. 56, 7 Mei 1947 [SECRET]: 2).

Beberapa pemimpin tempatan juga turut memainkan peranan aktif dan berganding bahu bersama-sama golongan ulama dalam usaha mempertahankan kelangsungan hidup orang Melayu ketika itu. Seorang pemimpin dan mantan guru Sekolah Melayu di Kuala Kangsar, yang mengajar ilmu persilatan serta mahir menggunakan parang panjang ialah Che Gu (Cikgu) Shariff bin Salleh. Beliau turut menyampaikan ilmu tersebut sehingga ke Kampung Sayong, Kuala Kangsar, Perak dan beberapa buah lokasi lain. Peranan signifikan turut dilakukan oleh Syeikh Osman yang merupakan seorang guru agama dan mengajar belia Melayu ketika itu dengan seni mempertahankan diri. Beliau menjadi pencetus semangat perjuangan orang Melayu dalam menangani konflik Melayu dan Cina di Grik, Perak (*CO 537/3753*: 264).

Golongan agamawan dan pemimpin lokal berperanan signifikan dalam memberikan kesedaran ketika Tanah Melayu berada di ambang dan pasca Perang Dunia Kedua. Walaupun sebahagian besar golongan agamawan yang terlibat dalam penyebaran ilmu kebatinan bersifat tempatan, namun peranannya amat besar dalam memberikan keyakinan diri penduduk setempat bagi menentang komunis ketika orang Melayu hilang tempat pergantungan (Abdul Razak Mahmud, 2007: Lampiran IV). Kolaborasi dan kepimpinan ulama ini juga menjadi signifikan apabila mereka berperanan penting dalam

menyuarakan bantahan terhadap Malayan Union serta menjadi pencetus kepada nasionalisme dan kemerdekaan tanahair.

## KESIMPULAN

Golongan agamawan membentuk jemaah dan survival melalui Kumpulan Parang Panjang berikutan meletusnya konflik perkauman di antara Melayu-Cina. Pendudukan Jepun dan kezaliman komunis di Tanah Melayu mencetus dan mempertajamkan prasangka perkauman. Jurang tersebut bertambah luas dengan legitimasi kekuasaan oleh PKM yang menyebabkan orang Melayu khususnya menjadi mangsa kezaliman. Rasa benci diterjemahkan oleh komunis dengan membalas dendam dan menzalimi orang Melayu. Kedaulatan Tanah Melayu yang dicabuli berikutan polisi penjajah sedikit sebanyak mencabar ketuanan Melayu. Agama Islam dijadikan sebagai tunjang utama perjuangan oleh golongan agamawan berikutan penyerapan elemen tarekat. Survival bangsa Melayu ketika tempoh masa kritikal berjaya digembleng dengan kekuatan ilmu kebatinan dan persilatan.

Perjuangan orang Melayu membanteras komunis menimbulkan impak negatif ke atas pola hubungan kaum dalam tempoh masa yang lama. Ideologi komunis yang didukung majoritinya oleh orang Cina ketika itu sering disalah tafsir. Perasaan benci dan amukan ketika itu diterjemahkan terhadap ideologi komunis tanpa mengira bangsa yang tidak mempercayai Tuhan dan menzalimi orang Melayu serta bukannya terhadap etnik Cina itu sahaja. Peristiwa yang berlaku merupakan sebahagian daripada evolusi pembinaan sebuah negara merdeka. Penjajahan kuasa Barat dan kezaliman komunis meninggalkan impak negatif ke atas tahap perpaduan masyarakat. Namun, formula perpaduan kaum sentiasa dibina dan dibajai bagi membina masyarakat yang harmoni.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Mahmud, '*Haji Husain Che Dol (1904-1967)*', dalam Ismail Che Daud (editor). (2007). Kota Bharu: Nivea Enterprise.
- Ahmad Zaki bin Mohd Johari. (2011). '*Kegiatan Parti Komunis Malaya Di Pantai Remis-Beruas, 1945-1948: Kajian Berasaskan Sumber Lisan*', Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- Arberry, John, Arthur. (1966). *The Doctrine of The Sufis*, Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, January.
- Blythe, Wilfred. (1969). *The Impact of Chinese Secret Societies In Malaya, A Historical Study*, London: Oxford University Press.
- Comber, L. (1985). *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Kaum Melayu-Cina*, Petaling Jaya: International Book Service.
- CO 273/675/12: Future policy New Constitution, Initial Relations With Malay Sultans On The Liberation of Malaya.
- CO 537/1572: British Military Administration Malaya-Monthly Reports.
- CO 537/1580: Growth Of Inter Racial Feeling In Malaya (SECRET).
- CO 537/1582: HQ Malaya Command Weekly Intelligence Summary.
- CO 537/1583: Religious Cults In Malaya.
- CO 537/2140: HQ Malaya Command Fortnightly Intelligence Review No. 56, 7 May 1947 (SECRET).
- CO 537/3752: Malaya Political Developments Political Intelligence Journals.
- CO 537/3753: Malaya Political Developments Political Intelligence Journals.
- CO 537/3757: Malaya: Chinese Affairs And Correspondence With Mr. H.T. Pagden-1948.
- CO 717/143/18, Durbar Of Rulers of F.M.S..
- Farid Mat Zain (editor). (2007). *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd..
- FO 371/31705: 1942: Formation Of Chinese Volunteer Force In Burma and Malaya.
- FO 371/35924: Conditions In Malaya: Report-1943.
- FO 371/41625: Special Article I Received From The South SEAS.
- Hamzah Hamdani. (2007). *Hikayat Abdullah*, Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ho Hui Ling. (2006). "*Darurat Dan Perpaduan Antara Kaum*", Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar, 1-4 Disember.
- Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

- Johns, A.H. (1961). 'Sufism as a Category in Indonesian Literature and History,' *Journal of South East Asian History*, Vol. 2, No. 2, July, 13.
- Joyce Ee. (1961). 'Chinese Migration To Singapore, 1896–1941,' *Journal of Southeast Asian History*, Volume 2, No.1, March, 34.
- Kratoska, Paul, H. (1997). *The Japanese Occupation of Malaya 1941–1945*, Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Majlis*, 17 Februari 1947, 24 Februari 1947, 5 Mac 1947.
- Mingguan Malaysia*, 4 September 2011, 9 Oktober 2011, 25 Disember 2011.
- Mohamed Ali Haniffa, *Dewan Budaya*, Januari 2018.
- Mohamed Ali Haniffa, *Dewan Budaya*, Ogos 2019.
- Mohd Isa Othman. (2000). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, Sdn. Bhd..
- Muhammad Rusydi Abd. Malek. (2007). 'Haji Yahya Kupang (1906-1959)', dalam Ismail Che Daud (editor), Kota Bharu: Nivea Enterprise.
- Mohd Akbal Abdullah, 'Kiayi Fadhil Al-Banteni', dalam Abu Bakar A. Hamid, Md. Ismail Zamzam, Kamdi Kamil (editor). (2006). *Johor Mengenang Sumbangsihmu*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Purcell, Victor. (1948). *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Raj, J.J. J.r. (1995). *The War Year And After*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.  
RCJ. 241/46: Ulu Tiram Massacre And Exhumation Of Dead Bodies, 30.4.46-12.11.47.
- Sartono Kartodirdjo. 1966). *The Peasants Revolt of Banten in 1888*, S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- SUKJ. 6203/1945: Outstation Reports And Correspondence Muar, 19.9.45-27.11.45, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (BMA/SCAO.J) 1945.
- Seruan Ra'ayat*, 11 November 1945, 7 Januari 1946.
- Stockwell, A.J., *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Monograph No. 8.
- Syed Naquib al-Attas. (1963). *Some Aspects of Sufism as Understood And Practised Among The Malays*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd..
- Syonan Sinbun*, 20.6.1943.
- Tracy, Mohan K. (1970). 'The Impact Of The Japanese Occupation On Nationalism (S) In Malaya', Tesis Sarjana, University of Wisconsin.
- R.O Tilman, R.O. (1964). *Bureaucratic Transition in Malaya*. Duke: Duke University Press.
- Utusan Malaysia*, 28 Mei 2009.
- WO 172/1784: War Diary.
- WO 172/9773: War Diary.
- WO 203/5642: Malaya Political Climate-Interviews By British Military Admin With Sultans Aug/Dec 45.
- William, R. Roff. (1967). *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wawancara dengan Haji Abdullah bin Dato' Haji Mohd Noor di Persatuan Sejarah Batu Pahat, Johor, 21 Oktober 2012. (Tuan Haji Abdullah bin Dato' Haji Mohd Noor merupakan mantan guru dan Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia, Batu Pahat. Beliau berusia 13 tahun ketika meletus pergaduhan Melayu dan Cina., Beliau antara saksi yang melihat orang Cina melarikan diri di Parit Semerah, Batu Pahat, Johor).
- Wawancara dengan Tuan Haji Abdul Kadir bin Abdul Rahman di Kampung Kubang Udang, Bekor, 20 November 2008. (Beliau dilahirkan pada tahun 1937 di Kampung Kubang Udang, Bekor, Kuala Kangsar, Perak. Beliau ialah pengamal ilmu selendang merah dan saksi kepada peristiwa 6 Mac 1946).
- Wawancara dengan Arif bin Nong di Kampung Jenerih, Ulu Cheka, Jerantut Pahang, 27 November 2007. (Arif bin Nong dilahirkan pada Disember 1926 di Kampung Ulu Cheka, Jerantut, Pahang. Beliau merupakan anak kepada Tok Pawang Nong bin Santan dan pengamal ilmu Selempang Merah. Beliau terlibat dalam membantu Tok Pawang Nong mempertahankan nyawa penduduk kampung. Beliau juga menjadi saksi kepada kehadiran ulama seperti Kiai Salleh, Tuan Haji Abbas dan Imam Haji Bakri ke Ulu Cheka bagi membincangkan survival orang Melayu).
- Wawancara dengan Haji Abdullah bin Imam Nong di Kampung Napal, Budu, Benta, Pahang, 30 Julai 2008/30 Ogos 2012. (Tuan Haji Abdullah bin Imam Nong merupakan mantan Ketua Kampung Napal, Budu, Benta, Pahang. Beliau pernah menyamar menjadi anggota komunis Melayu bagi menyelamatkan nyawa penduduk kampung. Beliau merupakan saksi kekejaman Bintang Tiga dan merupakan pengamal ilmu Selempang Merah).
- Wawancara dengan Tuan Haji Daud bin Sadron di Kampung Separap, Mukim IV, Batu Pahat, Johor, 23 Oktober 2012. (Tuan Haji Daud bin Sadron dilahirkan pada tahun 1928 [anggaran] di Kampung Separap. Beliau merupakan pengikut Kiai Salleh bin Abdul Karim dan berjuang menentang keganasan komunis di Mukim IV, Batu Pahat, Johor).

- Wawancara dengan Ibrahim bin Uda Mohamad di Kampung Suak Petai, Manong, Perak. 21 November 2008. (Beliau dilahirkan pada tahun 1928 di Kampung Suak Petai, Manong Kuala Kangsar, Perak dan merupakan saksi peristiwa pergaduhan Melayu-Cina pada 6 Mac 1946 di Bekor).
- Wawancara dengan Jamian bin Haji Marzuki di Kampung Parit Maimon, Batu Pahat, Johor, 18 Mac 2009. (Jamian bin Haji Marzuki dilahirkan pada 7 Oktober 1952 di Kampung Parit Maimon, Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan anak tempatan yang menjalankan usaha mengumpul sejarah tempatan, khususnya mengenai perjuangan pemimpin tempatan mempertahankan penduduk kampung dari serangan Bintang Tiga).
- Wawancara dengan Karim bin Petah di Kampung Ulu Cheka, Jerantut, Pahang, 23 November, 2007. (Karim bin Petah dilahirkan pada 10 Februari 1926 di Kampung Tanjung Puteri, Ulu Cheka. Beliau pernah berkhidmat sebagai tentera Jepun bermula dari tahun 1943 hingga 1945, *Special Constables* dan sebagai tentera sehingga tahun 1972. Beliau mempunyai gambaran yang baik mengenai peristiwa kezaliman tentera Jepun, Bintang Tiga dan perjuangan Tok Pawang Nong).
- Wawancara dengan Tuan Haji Mat Kiram bin Juna di Kampung Batu Malim, Raub, Pahang, 30 Januari 2010. (Beliau dilahirkan pada tahun 1928 dan merupakan anak jati Kampung Semantan Hulu, Raub. Beliau ialah anak saudara kepada Abu Jamal bin Haji Yop Pilus, guru ilmu selendang merah dan ilmu kebal di Batu Malim, Raub. Beliau juga adalah saksi pergaduhan Melayu-Cina di Batu Malim).
- Wawancara dengan Tuan Haji Ugoh bin Haji Mohamad Said di Parit 3 B, Sungai Manik, Perak, 6 Jun 2008. (Beliau dilahirkan pada 26 Januari 1925 dan merupakan penduduk Banjar tempatan yang berhijrah ke Sungai Manik. Beliau ialah pengamal disiplin selendang merah dan pejuang yang mempertahankan orang Melayu ketika pergaduhan Melayu-Cina di Sungai Manik. Ketika kejadian, beliau berumur dua puluh tahun).
- Wawancara dengan Haji Yusof bin Salleh di Johor Bahru, Johor, 8 Disember 2009/23 Oktober 2012. (Tuan Haji Yusof bin Salleh merupakan anak sulung kepada Kiai Salleh bin Abdul Karim. Beliau mempunyai gambaran yang jelas mengenai peristiwa pergaduhan Melayu-Cina di Johor dan beberapa buah negeri di Malaysia. Beliau juga merupakan pengamal ilmu selendang merah dan pengamal Zikir Ayat Empat).